

NO SOALAN :28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 08.11.2017****Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa syarikat telah menyerahkan cadangan muktamad dalam tender semula projek Bandar Malaysia. Berapa antaranya adalah syarikat Fortune 500 dan bilakah keputusan tender tersebut akan diumumkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) yang kini telah diletakkan di bawah naungan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah melaksanakan proses permohonan cadangan (*Request for Proposal* (RFP), dengan izin) untuk pembangunan projek Bandar

Malaysia. Seperti yang tertera di laman sesawang Kementerian Kewangan, proses RFP ini dibuka kepada syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat untuk terlibat sebagai pemaju induk projek tersebut. Antara lain, kriteria yang ditetapkan adalah pembida perlulah dari kalangan syarikat "*Fortune 500*" dan mampu menjana perolehan tidak kurang RM50 bilion secara kumulatif untuk tiga tahun berturut-turut.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana yang diumumkan sebelum ini, lapan syarikat yang menepati kriteria yang ditetapkan telah menyatakan minat untuk menjadi pemaju induk bagi projek Bandar Malaysia.

Pada masa ini penilaian terperinci sedang dibuat. Adalah dijangkakan keputusan tender tersebut akan diumumkan dalam masa terdekat.